

PROFIL PENGARAH

DR. ZAIROSSANI MOHD NOR



Dr Zairossani Mohd Nor telah dilantik sebagai Timbalan Ketua Pengarah (Penyelidikan & Inovasi) Lembaga Getah Malaysia (LGM) mulai 24 Julai 2015. Sebelum memegang jawatan ini, Dr Zairossani adalah Pengarah Bahagian Teknologi & Kejuruteraan LGM dari 2011 hingga 2015.

Dr Zairossani adalah anak kelahiran Mentakab, Pahang dan memegang Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan dengan Kepujian dalam Biological Engineering, University of Guelph, Kanada. Seterusnya beliau melanjutkan pengajian dalam bidang Sains Gunaan (Kejuruteraan Biokimia) dan memperoleh Ijazah Sarjana dan Ijazah Kedoktoran dalam bidang Sains Gunaan (Kejuruteraan Biokimia) dari University of Waterloo, Ontario, Kanada. Beliau juga mempunyai Sijil Pengurusan Perniagaan Eksekutif dari Asian Institute of Management.

Pada tahun lepas, Dr Zairossani Mohd Nor telah memenangi Pingat Emas Tan Sri BC Sekhar di atas sumbangan cemerlang beliau kepada industri getah global. Juri terkemuka antarabangsa yang dilantik sebulat suara bersetuju untuk mengurniakan Pingat Emas yang berprestij ini kepada beliau sebagai mengiktiraf sumbangan beliau terutamanya dalam pengeluaran dan pengkomersilan getah khusus serta teknologi produk mesra alam.

Dr Zairossani kini sedang terlibat secara langsung dalam beberapa projek utama di peringkat kebangsaan untuk memperkukuhkan aktiviti-aktiviti penyelidikan dan pembangunan dalam penghasilan produk-produk baru dan kegunaan getah asli dan dalam pengeluaran dan pengkomersilan getah khusus serta teknologi produk mesra alam.

Dr Zairossani mempunyai lebih daripada 50 penerbitan serta 12 paten dan trademark dikreditkan kepadanya setakat ini. Beliau adalah Pengerusi bagi ISO/TC 45 bagi getah dan barangan getah dan juga ahli perwakilan Malaysia untuk ISO/TC 207 bagi Pengurusan Alam Sekitar dan ISO/TC 265. Sebelum ini beliau telah menyumbangkan perkhidmatan beliau sebagai Pengerusi ASEAN Consultative Committee on Standards & Conformity (ACCSQ) - Rubber Based Products bagi tempoh 2011-2014. Dr Zairossani juga mewakili LGM sebagai Liaison Officer di International Rubber Research & Development Board (IRRDB).

Selain Pingat Emas Tan Sri BC Sekhar, sebagai saintis, Dr Zairossani telah menerima beberapa Anugerah sepanjang perkhidmatan beliau di LGM seperti berikut:

- Anugerah Projek Konsultasi Terbaik 2013
- Anugerah Inovasi Terbaik pada tahun 2012
- Anugerah Saintis Terbaik 2009
- Pingat Emas ITEX Malaysia 2005 dan 2008
- KASS Best Invention Award 2005
- World Intellectual Property Organization (WIPO) Gold Medal Award for the Overall Best Invention 2005



Menerima Pingat Emas Tan Sri BC Sekhar di India